



KENYATAAN MEDIA

AADK SAMBUT BAIK PEMASANGAN CCTV BERTEKNOLOGI TINGGI DI PREMIS TAHANAN AADK

26 SEPTEMBER 2025

KAJANG – Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih Kerajaan MADANI di bawah pimpinan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri atas keprihatinan meluluskan pelaksanaan pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV) berteknologi tinggi di kesemua 18 fasiliti lokap berpusat AADK di seluruh negara.

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim ketika mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional mengumumkan bahawa inisiatif strategik ini adalah selaras dengan komitmen kerajaan di bawah Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti, dan ketelusan dalam urus tadbir agensi penguatkuasaan.

Projek ini melibatkan pemasangan kira-kira 550 unit CCTV di lokasi strategik lokap berpusat AADK bertujuan meningkatkan ketelusan pengoperasian, mencegah insiden yang tidak diingini, meminimumkan kesilapan manusia (*human error*), serta mengadaptasi teknologi moden seperti kecerdasan buatan (AI) untuk pengawasan yang lebih cekap.

Projek ini adalah sebagai langkah pencegahan (*preventive approach*) bagi memastikan semua tahanan di lokap AADK berada dalam keadaan selamat dan hak asasi mereka terpelihara. Ini selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan standard antarabangsa.

Langkah ini menunjukkan kesungguhan Kerajaan MADANI khususnya Kementerian Dalam Negeri dalam memodenkan fasiliti tahanan AADK serta memastikan keselamatan dan pengurusan tahanan dijalankan dengan penuh integriti.

Usaha ini juga selaras dengan pindaan Akta Penagih dan Penyalah Guna Dadah dan Bahan (Rawatan dan Pemulihan) 1983 yang telah dikuat kuasa pada 22 Ogos lalu.

-TAMAT-

DATO' RUSLIN JUSOH
KETUA PENGARAH
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN

